

Konflik Gaza, pendirian Malaysia kekal utuh - PM

Oleh **HASIF IDRIS**
dan **HAFIZ SAIDINA**
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, pendirian Malaysia berhubung konflik Gaza kekal utuh, meskipun Presiden Donald Trump membuat cadangan agar Amerika Syarikat (AS) mengambil alih wilayah bergolak itu.

Perdana Menteri berkata, pendirian Malaysia kekal tidak berganjak dan selari dengan negara-negara Islam yang lain.

Bagaimanapun katanya, kerajaan akan meneliti terlebih dahulu kenyataan Trump sebelum membuat ulasan lebih lanjut mengenainya.

"Kita akan teliti kenyataan dahulu (Trump) dan akan ulas.

"Gaza, yang penting pendirian Malaysia kekal seperti negara-negara Islam lain," katanya selepas melancarkan dua jilid buku berjudul '*A Malik Bennabi Reader*' serta penubuhan International Institute of Futures Studies di Institut Pemikiran dan Tamadun Islam Antarabangsa (ISTAC) di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di sini, semalam.

Terdahulu, Trump membuat cadangan agar AS 'mengambil alih' Semenanjung Gaza, ketika beliau menjadi tuan rumah kepada Perdana Menteri Israel, Benjamin Netanyahu bagi rundingan penting mengenai gencatan senjata dengan Hamas.

Trump juga meningkatkan gesaannya supaya rakyat Palestin berpindah keluar dari wilayah yang dilanda perang itu ke negara Asia Barat seperti Mesir dan Jordan.

Perkara itu tetap disuarakan



ANWAR Ibrahim bersama Shavkat Mirziyoyev di Bangunan Perdana Putra. Putrajaya.-FACEBOOK ANWAR IBRAHIM

meskipun rakyat Palestin dan kedua-dua negara berkenaan menolak mentah-mentah cadangan Trump.

Sebelum ini, Anwar menegaskan pengumuman gencatan senjata di Gaza perlu disusuli dengan perancangan pemulihan wilayah itu.

Sehubungan itu, Anwar berkata, Malaysia akan menggerakkan usaha membina sebuah sekolah, hospital dan masjid di Gaza bagi meringankan penderitaan penduduk Palestin.

Sementara itu, dalam perkembangan lain, Malaysia dan Uzbekistan menyasar untuk membangunkan zon perindustrian bersama di negara Asia tengah itu bagi membuka peluang baharu pelaburan strategik dan

pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan.

Anwar dan Presiden Uzbekistan, Shavkat Mirziyoyev berkata, zon perindustrian itu membuka ruang bagi memperkenalkan amalan terbaik dan kepakaran dalam pembangunan dan operasi taman perindustrian.

"Di samping itu, ini juga akan memupuk kerjasama dalam menarik syarikat penguasaan, pengurus taman dan pelabur lain untuk mengambil bahagian dalam perancangan dan pembangunan zon perindustrian di Uzbekistan," katanya dalam satu kenyataan bersama semalam.

Terdahulu, Shavkat dan delegasi diberikan sambutan ras-

mi dan pemeriksaan pasukan Kawalan Kehormatan Utama daripada Batalion Pertama Rejimen Renjer Diraja.

Ini adalah lawatan pertama Shavkat ke negara ini sejak dilantik sebagai Presiden pada Disember 2016 di samping kunjungan balas susulan lawatan Anwar ke Uzbekistan pada Mei tahun lalu.

Selain itu, kedua-dua pemimpin turut menekankan kepentingan meningkatkan kerjasama ekonomi dalam sektor utama seperti tenaga boleh baharu, industri halal, pendigitalan, kecerdasan buatan (AI), pembangunan bandar pintar dan pembangunan pemula niaga, antara lainnya untuk memberikan manfaat bersama bagi kedua-dua negara.